



Administrative Appeals Tribunal

Migration & Refugee Division

Proses semakan orang pelarian - Bahagian MR

Kami adalah badan berkanun yang mempunyai kuasa untuk mengkaji semula keputusan yang dibuat di bawah *Akta Migrasi 1958* oleh Menteri, atau pegawai yang merupakan perwakilan Menteri di Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam kebanyakan kes, masalah utama yang kita pertimbangkan adalah sama ada pemohon memenuhi definisi seorang pelarian, atau sebagai alternatif, sama ada terdapat risiko sebenar bahawa pemohon akan mengalami ancaman signifikan jika dihantar pulang dari Australia ke negara lain.

Maklumat lebih lanjut mengenai proses semakan n boleh didapati di laman web kami di www.aat.gov.au.

Siapa yang boleh memohon semakan?

Sekiranya keputusan dibuat untuk tidak memberikan visa perlindungan kepada anda, atau membatalkan visa perlindungan, pihak jabatan akan memberitahu anda mengenai keputusan tersebut. Pemberitahuan akan memberitahu anda jika anda mempunyai sebarang hak untuk memohon kepada kami untuk menyemak keputusan

Bilakah saya mesti memohon semakan?

Sekiranya anda ingin mengajukan permohonan semakan, anda harus ingat bahawa kami tidak dapat melanjutkan had masa atau menerima permohonan yang dibuat di luar had masa yang dinyatakan di bawah:

- Sekiranya **anda berada dalam tahanan imigresen**, termasuk penahanan dalam masyarakat, kami mesti menerima permohonan anda dalam masa 7 hari bekerja dari tarikh anda dianggap telah diberitahu keputusan oleh jabatan tersebut.
- Sekiranya **anda tidak berada dalam tahanan imigresen**, kami mesti menerima permohonan anda dalam 28 hari kalendar dari tarikh anda dianggap telah diberitahu keputusan oleh jabatan tersebut.

Sekiranya anda mengemukakan permohonan melalui pos, anda harus memastikan bahawa anda memberi masa yang cukup untuk permohonan anda diterima sebelum tamatnya had masa.

Bilakah saya dianggap telah diberitahu?

Tarikh anda dianggap telah diberitahu bergantung kepada cara anda diberitahu keputusan tersebut oleh jabatan .

Sekiranya pemberitahuan keputusan dihantar melalui e-mel atau faks, anda akan dianggap telah diberitahu pada penghujung waktu kerja hari pemberitahuan itu dihantar.

Sekiranya pemberitahuan keputusan diberikan dengan tangan, anda akan diberitahu apabila keputusan tersebut diserahkan kepada anda atau penerima anda yang sah.

Sekiranya pemberitahuan keputusan dihantar melalui pos, anda akan dianggap telah diberitahu 7 hari bekerja setelah tarikh surat pemberitahuan.

Sekiranya anda memberi kuasa kepada seseorang untuk menerima surat-menyurat berkaitan dengan permohonan visa perlindungan anda, orang itu dikenali sebagai penerima sah anda. Anda akan dianggap telah diberitahu apabila penerima sah anda diberitahu oleh pihak jabatan.

Bagaimana saya memohon semakan?

Anda boleh mengemukakan permohonan dalam talian atau mengisi borang R1 - Permohonan untuk semakan - Orang Pelarian. Anda boleh mendapatkan borang ini dari laman web kami di www.aat.gov.au, atau di salah satu pejabat kami (pejabat pendaftaran).

Anda boleh memberikan tuntutan tambahan atau bukti lebih lanjut untuk menyokong permohonan anda untuk disemak. Sekiranya anda memberikan maklumat atau bukti lebih lanjut yang tidak diberikan kepada jabatan, dalam kes tertentu, kami perlu mempertimbangkan kredibiliti maklumat yang anda berikan dan mengapa maklumat tersebut tidak diberikan kepada jabatan tersebut. Sebarang dokumen selain dalam Bahasa Inggeris harus diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris oleh penterjemah yang berkelayakan. Anda harus memberikan dokumen asal dan terjemahannya.

Perlukah saya meminta bantuan dengan permohonan saya?

Kami bertujuan untuk memastikan bahawa hasil semakan tidak bergantung kepada sama ada seseorang itu menerima nasihat atau bantuan profesional atau tidak. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk mendapatkan nasihat dan bantuan.

Di bawah *Akta Migrasi 1958*, hanya orang tertentu yang dapat memberikan 'bantuan imigresen'. Mereka termasuklah

- ejen migrasi berdaftar
- seorang peguam Australia yang mempunyai sijil amalan
- ahli keluarga terdekat (pasangan, anak, ibu bapa atau adik -beradik
- pelantik atau penaja sekiranya anda adalah pemohon visa.

'Bantuan imigrasi' ialah dimana seseorang itu menggunakan, atau mengaku menggunakan, pengetahuan atau pengalaman beliau dalam prosedur migrasi untuk membantu anda mempersiapkan, atau mewakili anda, dalam permohonan anda di AAT.

Satu-satunya orang yang boleh meminta anda membayar yuran untuk 'bantuan imigrasi' adalah ejen migrasi berdaftar atau peguam Australia yang memiliki sijil amalan.

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut bagi dapatkan bantuan untuk semakan dari halaman [Bantuan](#) di laman web kami.

Berapa kos permohonan semakan?

Tidak ada bayaran yang perlu dibayar semasa anda membuat permohonan semakan. Walau bagaimanapun, anda akan diminta membayar sekiranya permohonan semakan anda tidak berjaya.

Untuk permohonan yang dikemukakan pada atau selepas 1 Julai 2023, bayaran yang perlu dibayar adalah \$ 2,076.

Bagaimana anda akan menghubungi saya?

Anda boleh melantik seorang wakil (penerima sah anda) untuk menerima surat menyurat bagi pihak anda. Sebilangan besar pemohon yang mempunyai wakil akan mewakilkannya sebagai penerima sah mereka.

Sekiranya anda mewakilkan penerima yang diberi kuasa, semua surat-menyurat akan dihantar kepada orang tersebut dan akan dianggap telah dihantar kepada anda. Kami hanya akan menghantar salinan surat-menyurat kepada anda dan juga menghantarnya kepada penerima yang sah sekiranya anda telah mewakilkan ejen migrasi sebagai wakil anda atau penerima yang diberi kuasa, dan pendaftaran ejen migrasi itu telah diberhentikan sementara atau dibatalkan atau telah tamat tempuh. Kami akan terus memberikan dokumen mengenai semakan anda kepada wakil anda atau penerima yang sah sehingga anda memberitahu kami untuk tidak melakukannya.

Sekiranya anda tidak mewakilkan penerima yang diberi kuasa, semua surat-menyurat akan dihantar kepada anda.

Kami secara amnya akan menghantar surat-menyurat melalui e-mel, sekiranya kaedah ini sedia ada. Kami juga boleh menghantar surat-menyurat melalui pos atau faks, atau dalam keadaan tertentu boleh menyerahkan dokumen dengan tangan.

Apa yang akan berlaku selepas saya mengemukakan permohonan untuk semakan?

Kami akan mengirimkan surat yang mengesahkan bahawa kami telah menerima permohonan anda dan mengundang anda untuk menghantar sebarang dokumen, maklumat atau bukti lain yang anda mahu kami pertimbangkan. Seboleh-bolehnya, kami lebih memilih jika material tersebut dihantar secara elektronik.

Kami akan meminta jabatan menghantar dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kes anda kepada kami. Kami juga akan menilai kesahihan permohonan anda. Kami hanya dapat menyemak keputusan jika permohonan semakan yang sah telah dibuat. Kami akan memberitahu anda sekiranya permohonan anda mungkin tidak sah.

Apabila kami bersedia untuk mempertimbangkan permohonan anda, kami mungkin akan menulis surat kepada anda lagi untuk mendapatkan maklumat atau meminta anda untuk memberi komen mengenai maklumat bertentangan yang kami anggap relevan.

Sekiranya anda tidak memberikan maklumat atau komen ini kepada kami dalam jangka masa yang ditentukan, kami mungkin membuat keputusan mengenai kes anda tanpa pemberitahuan lebih lanjut dan tanpa memberikan perbicaraan kepada anda.

Bagaimanakah keputusan itu dibuat?

Setelah mempertimbangkan dokumen jabatan dan maklumat lebih lanjut yang anda berikan kepada kami, kami biasanya akan menanda anda untuk menghadiri perbicaraan. Kami tidak akan mengadakan perbicaraan sekiranya kami dapat memutuskan kes tersebut berlandaskan maklumat yang sedia ada atau jika anda menyetujui kami memutuskan kes tanpa perbicaraan. Kami mungkin tidak akan menawarkan perbicaraan sekiranya anda gagal memberikan komen atau maklumat dalam jangka masa yang ditentukan berikutan permintaan tertentu dari kami.

Pada perbicaraan, anda akan diajukan soalan dan anda berpeluang untuk memberikan bukti lisan dan mengemukakan hujah untuk menyokong tuntutan anda. Pengerusi akan membuat keputusannya setelah mempertimbangkan maklumat dihadapan beliau, termasuk maklumat yang anda berikan pada perbicaraan dan segala maklumat yang relevan dari sumber lain yang sedia ada pada beliau.

Bagaimana saya akan mengetahui mengenai perbicaraan?

Sekiranya anda dijemput untuk perbicaraan, kami akan menghantar surat yang menjemput anda ke perbicaraan dan memberi anda tarikh perbicaraan. Borang akan dilampirkan dengan surat yang meminta anda mengesahkan tarikh perbicaraan secara bertulis dan memberikan butiran mengenai siapa sahaja yang anda mahukan kami mengambil keterangan untuk menyokong kes anda.

Siapa yang akan hadir dalam perbicaraan?

Anda boleh membawa wakil atau penasihat untuk membantu anda. Kami tidak dikehendaki untuk membenarkan wakil tersebut untuk mengendalikan kes anda untuk anda. Walau bagaimanapun, Pengerusi biasanya membenarkan mereka bercakap bagi pihak anda sebelum penutupan perbicaraan. Anda juga boleh membawa rakan atau saudara untuk membantu anda. Maklumat lebih lanjut mengenai perbicaraan terdapat dalam lembaran *fakta Maklumat mengenai perbicaraan (MR18)*.

Bolehkah saya mempunyai jurubahasa?

Sekiranya anda atau saksi anda memerlukan bantuan untuk berkomunikasi semasa perbicaraan, kami akan membekalkan seorang jurubahasa yang berkelayakan dan membayar perkhidmatan jurubahasa.

Perkhidmatan Penterjemahan (TIS) dapat memberikan bantuan kepada penutur bukan Bahasa Inggeris untuk menghubungi kami. Nombor telefon mereka ialah 131 450.

Bilakah keputusan akan dibuat?

Oleh kerana setiap kes adalah berbeza, sukar untuk dinyatakan tempuh masa yang diperlukan untuk membuat keputusan mengenai kes anda.

Dalam beberapa kes, Pengerusi boleh mengumumkan keputusan pada akhir perbicaraan. Pengerusi boleh memutuskan untuk menghantar alasan bertulis untuk keputusan yang dibuat secara lisan kepada anda, dalam hal ini anda akan dihantar alasannya dalam masa 14 hari selepas perbicaraan. Sebagai alternatif, Pengerusi boleh mengumumkan keputusan dan membuat pernyataan lisan mengenai sebab-sebab keputusan itu padaperbicaraan. Sekiranya ini berlaku, anda berhak membuat permintaan bertulis dalam masa 14 hari dari tarikh perbicaraan agar kami memberi anda alasan bertulis mengenai keputusan dan alasan yang dinyatakan semasa perbicaraan.

Walaupun bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, keputusan tidak akan dibuat pada akhir perbicaraan dan ketika Anggota membuat keputusan, kami akan mengirimbkan kepada anda dan pihak jabatan pernyataan keputusan dan alasan bertulis.

Bagaimana maklumat yang diberikan kepada kami digunakan?

Maklumat yang diberikan kepada kami akan digunakan untuk menilai permohonan semakan anda. Segala maklumat yang diberikan kepada kami semasa proses semakan dapat diberikan kepada peserta lain dalam proses atau kepada individu atau organisasi lain untuk tujuan penilaian. Misalnya, ketika meminta pendapat atau penilaian pakar. Dalam keadaan tertentu, kami juga memberikan maklumat mengenai permohonan anda kepada individu atau organisasi kerajaan dan bukan kerajaan yang lain. Ini termasuk jabatan, Pejabat Pendaftaran Ejen Migrasi, mahkamah dan agensi penguatkuasaan undang-undang.

Perbicaraan adalah sulit dan tidak terbuka untuk orang awam.

Sekiranya kami menyediakan pernyataan bertulis mengenai alasan keputusan kami dalam kes anda, keputusan tersebut dapat disebarkan kepada umum dan diterbitkan di laman web AustLII (www.austlii.edu.au). Walau bagaimanapun, keputusan yang diterbitkan tidak akan menyertakan nama atau butiran lain yang boleh mengenal pasti anda atau saudara-mara atau tanggungan anda yang lain. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai keputusan yang kami terbitkan, lihat Dasar Penerbitan Keputusan kami di laman web kami.

Penting - Perubahan maklumat hubungan

Anda harus memberitahu kami dengan segera sekiranya anda menukar alamat atau nombor telefon anda atau jika ada perubahan pada nama atau alamat penerima anda yang sah. Penting juga untuk anda memberitahu penerima sah anda mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda. Sekiranya tidak, anda mungkin tidak akan menerima jemputan untuk perbicaraan atau perkara penting yang lain atau maklumat dan kes anda akan diputuskan tanpa notis lanjutan. Anda juga harus memberitahu pihak jabatan mengenai sebarang perubahan dalam perkara ini.

Anda boleh memberitahu kami secara bertulis mengenai perubahan butiran anda, atau borang lengkap MR6 - *Perubahan maklumat hubungan - Bahagian MR* yang terdapat di laman web kami.

Bagaimana jika saya mahu membuat komen atau pengaduan?

Anda boleh membantu kami dengan memberitahu kami apa yang anda suka mengenai urusan anda dengan kami atau di mana anda fikir kami boleh meningkatkan mutu perkhidmatan kami. Sekiranya anda ingin memberi maklum balas kepada kami, anda boleh memberitahu pegawai yang menangani kes anda. Sebagai alternatif, anda boleh melengkapkan borang Maklum Balas dalam talian yang terdapat di laman web kami di bawah [Hubungi kami](#), atau hantarkan aduan bertulis bertanda 'sulit' kepada kami di GPO Box 9955, Sydney NSW 2001.

Cara Pendaftaran

Online

Permohonan untuk semakan boleh dikemukakan di atas talian di <http://www.aat.gov.au/apply-online>.

Melalui pos atau faks

Administrative Appeals Tribunal
GPO Box 9955, Sydney NSW 2001
Fax: (02) 9276 5599

Administrative Appeals Tribunal
GPO Box 9955, Brisbane QLD 4001
Fax: (07) 3052 3069

Administrative Appeals Tribunal
GPO Box 9955, Perth WA 6848
Fax: (08) 6222 7299

Administrative Appeals Tribunal
GPO Box 9955, Melbourne VIC 3001
Fax: (03) 9454 6999

Administrative Appeals Tribunal
GPO Box 9955, Adelaide SA 5001
Fax: (08) 8128 8099

Melalui Tangan

Sydney

Level 6
83 Clarence Street
Sydney NSW 2000

Melbourne

Level 4
15 William Street
Melbourne VIC 3000

Brisbane

Level 6
296 Ann St
Brisbane QLD 4000

Perth

Level 13
111 St Georges Terrace
Perth WA 6000

Adelaide

Level 2
1 King William Street
Adelaide SA 5000

Waktu pejabat dinyatakan pada laman web kami www.aat.gov.au.

Hubungi Kami

Laman web	www.aat.gov.au
Email	mrdivision@aat.gov.au
Nombor talipon pertanyaan nasional	1800 228 333
Perkhidmatan Relay Nasional	www.relayservice.gov.au